

| | | | |
|-------------|--------------------------------------------|------------|--------|
| Headline | Keengganan IPP paksa SESB umumkan gangguan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | Language | Malay |
| Date | 17 Jan 2024 | Readership | 75,165 |
| Circulation | 25,055 | Page No | 1 |
| Section | Tempatan | Journalist | N/A |
| ArticleSize | 287 cm ² | | |
| PR Value | RM 4,574 | | |



Keengganan IPP paksa SESB umumkan gangguan

Jonathan Nicholas

KOTA KINABALU: Pengurus Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) Datuk Seri Madius Tangau (gambar) mahu Penjana Tenaga Bebas (IPP) yang membekalkan 80 peratus tenaga elektrik Sabah menjadi pihak yang memaklumkan sebarang gangguan.

"Mereka enggan, jadi kami yang kena buat pengumuman. Jika mana-mana stesen janakuasa mereka rosak, apakah yang SESB boleh lakukan? Tiada apa. Kami hanya memikul beban menjelaskannya kepada orang ramai. Sebaik sahaja mereka mengumumkan sebarang kerosakan, kami umumkan kepada orang ramai dan mengatakan kami terpaksa melakukan pelepasan beban," katanya.

Beliau mengulas Datuk Junz Wong dari Warisan yang mempersoalkan pelantikan langsung 13 kakitangan baharu SESB semasa persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.

Madius berkata pasukan "lima, bukan tiga belas" itu secara khusus adalah pegawai komunikasi kerana terdapat banyak penyebaran maklumat salah berkaitan syarikat utiliti itu.

"Ekosistem bekalan elektrik adalah tadbir urus kompleks yang tidak mudah difahami tetapi mudah diputar belit.

"Kami mempunyai lebih 3,000 kakitanan SESB dan saya tidak menjangka mereka



semua memahami segala yang dilakukan oleh pengurusan atasan.

"Apabila kakitangan tidak faham, mereka akan mula membocorkan maklumat palsu dan ada yang menggunakan-nya dalam ucapan mereka. Saya ingin meningkatkan keupayaan komunikasi SESB pada semua platform, termasuk media sosial, malah siri video ringkas SESB.

"Sebagai contoh, menjelaskan Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahar Apa (ICPT) adalah sangat rumit dan tidak dapat difahami sepenuhnya dalam satu sesi.

"Kami memerlukan profesional untuk menerangkannya secara berterusan dan pasukan saya akan menjelaskan mesej ini untuk memudahkan orang biasa.

"Saya tidak menjawab Junz kerana tiada gunanya," katanya selepas sesi bertemu industri mengenai pelaksanaan mekanisme ICPT untuk Sabah dan Labuan di Pacific Sutera, Selasa.

Beliau berkata SESB tidak mempunyai pesaing di Sabah sama seperti lapangan terbang atau pelabuhan. Syarikat ini dikawal ketat oleh Kerajaan, bukan sahaja dari segi tarif tetapi harga jualan.

"SESB tidak boleh semudah itu memutuskan dan menentukan harga. Kabinet Negeri perlu meluluskan.

"Ini hanyalah ringkasan mengenai kerangka kewangan dan undang-undangnya. Ia menjadi lebih rumit apabila kita bercakap mengenai kejuruteraan dan penjanaan kuasa," tambahnya.

SESB adalah anak syarikat Tenaga

Nasional Berhad yang memiliki 80 peratus saham walaupun dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Sabah.

Madius berkata beliau akan mendedahkan senarai semua IPP di Sabah dalam laporan khas Daily Express Ahad ini (21 Jan), mengatakan bilangan IPP solar akan menjadi pendedahan yang mengejutkan.

Beliau berkata IPP menjual kuasa kepada Kerajaan Negeri melalui perjanjian pembelian kuasa, sesetengahnya ditandatangani lama dahulu. SESB hanya memperoleh 4 peratus keuntungan pada 2022 dan 2023. Bagaimanapun, beliau berkata bahagian pasaran penjanaan 20 peratus dijangka menurun lagi memandangkan lebih banyak kawasan sedang disambungkan ke grid.

"SESB harus memiliki minimum 700 megawatt untuk menangani beban asas dan memastikan bekalan stabil. Ia sepatutnya kitaran gabungan gas tetapi lebih ideal arang batu. Idea kedua ini ditentang oleh rakyat. Pada masa ini margin rizab kurang daripada 12 peratus dan kita sepatutnya mencapai 30 peratus menjelang hujung tahun, yang bermakna kestabilan."

"Pada masa ini kami mempunyai penyelesaian sementara untuk jangka pendek seperti menyewa set penjana. Tetapi Sabah akan menjadi yang pertama di Malaysia untuk memiliki Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) yang mampu menyimpan 100 megawatt untuk dipasang di POIC Lahad Datu," katanya.